

# **Keberkesanan pembelajaran Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia dalam meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur dalam kalangan pelajar Tingkatan Junior Satu**

/黃金沙

## **1.0 Pendahuluan:**

Memang tidak dapat dinafikan bahawa pembelajaran bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua bagi pelajar sekolah-sekolah menengah persendirian cina di Malaysia. Kebanyakan guru mengalami masalah pelajar untuk memahami pengajaran yang hendak disampaikan. Tambahan pula, bahasa Malaysia bukanlah bahasa antarabangsa seperti bahasa Inggeris. Justeru, pelajar-pelajar kurang mementingkan bahasa tersebut. Selain itu, guru-guru pula kurang inisiatif untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Dengan itu, Panitia Bahasa Malaysia telah mengambil langkah untuk membuat pembaharuan dalam perancangan sukanan pelajaran bahasa Malaysia sejak tahun 2004. Selaras dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti dan mutu pengajaran dan pembelajaran, bahan pengajaran bahasa Malaysia bagi Tingkatan Senior Satu dan Bahagian kelas Bimbingan Khas (khususnya Tingkatan Junior Peralihan dan Tingkatan Junior Satu) telah dirombak semula dan dipermudahkan. Selain itu, pelbagai kaedah seperti pertandingan menyanyi dan pertandingan syarahan telah diadakan, tetapi masih tidak dapat meningkatkan penguasaan kemahiran bertutur para pelajar secara ketara.

Mulai tahun 2010, Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia telah diperkenalkan untuk pelajar Tingkatan Junior Satu (1) hingga Tingkatan Junior Satu (4). Objektifnya adalah untuk memastikan pelajar-pelajar Tingkatan Junior Satu tersebut yang turut mengikuti pengajaran dan pembelajaran Penilaian Menengah Rendah (PMR) dapat meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur. Dengan itu, pelajar-pelajar diharapkan dapat menduduki Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS) dengan lebih berkeyakinan. Kemahiran mendengar dan bertutur merupakan kemahiran paling asas yang perlu dikuasai oleh pelajar-pelajar. Apabila mereka telah menguasai kedua-dua kemahiran tersebut, secara tidak langsung kemahiran membaca dan kemahiran menulis dapat ditingkatkan.

Berbanding dengan pengajaran konvensional, kelas aktiviti merupakan satu kaedah yang lebih praktikal dalam meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur dalam kalangan pelajar. Kaedah ini memberi peluang kepada para pelajar supaya dapat meneliti, mengingat, menaakul, mengolah dan berkomunikasi antara satu sama lain. Pengajaran dan pembelajaran kelas aktiviti yang kreatif, berunsurkan bahan elektronik dan menggalakkan penglibatan pelajar diharapkan dapat membentuk suasana pembelajaran terbuka sehingga menimbulkan minat mereka terhadap pembelajaran bahasa Malaysia.

## 2.0 Latar Belakang Kajian Penyelidikan :

### (i) Pengajaran Bahasa Kedua - Satu Pendekatan

Pembelajaran bahasa kedua merupakan suatu keadaan di mana seseorang telah menguasai bahasa asing secara langsung atau secara tidak langsung jika pendedahan telah dibuat atau dipelajari sendiri (R. Ellis, 1985). Biasanya, seseorang itu akan mempelajari bahasa kedua semasa guru mengajar di dalam kelas dengan kaedah pengajaran yang khusus. Di samping itu, pembelajaran bahasa kedua juga bergantung kepada kesanggupan dan keupayaan seseorang untuk berkomunikasi dengan pihak lain dengan menggunakan bahasa kedua.

Ramai ahli linguistik yang menyelami pembelajaran bahasa kedua telah mengemukakan pelbagai kaedah untuk merealisasikan pengajaran melalui teknik pengajaran khusus. Semasa mengajar bahasa kedua, para guru disarankan supaya bukan sekadar mengajar, tetapi cuba mewujudkan suatu keadaan yang membolehkan pelajar mempelajari bahasa tersebut, antaranya adalah dengan menggunakan kaedah lisan dengan cara kelas aktiviti.

### (ii) Pengendalian Kelas Aktiviti

#### Pengenalan :

Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia Sekolah Menengah Persendirian Confucian yang dilancarkan pada tahun 2010 bertujuan untuk menggalakkan pelajar-pelajar melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui model aktiviti yang telah dirancang. Mereka telah diberi peluang meniru, melatih dan berkomunikasi sehingga akhirnya menyuarakan pendapat sendiri dengan menggunakan bahasa Malaysia yang lancar.

Semasa kelas aktiviti, pendengaran dan pertuturan bahasa Malaysia dipraktikkan sepenuhnya. Guru perlu menyediakan bahan pengajaran yang telah direka khas atau yang telah disediakan berdasarkan sesuatu tema pengajaran tertentu. Guru perlu membuat banyak persediaan sebelum proses pengajaran dan pembelajaran kelas aktiviti.

Menerusi Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia, guru yang berkenaan akan menyediakan bahan rangsangan kepada para pelajar supaya mereka dapat berbincang secara berkumpulan. Kemudian, pelajar diminta membentang dan mengulas bahan tersebut berdasarkan soalan yang telah ditujukan.

#### Cara Pelaksanaan :

Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia Sekolah Menengah Persendirian Confucian dilaksanakan melalui pelbagai cara seperti yang disenaraikan berikut :

##### (a) Persembahan lakonan pelajar-pelajar

Persembahan lakonan biasanya dilakukan apabila pelajar-pelajar diminta untuk menggambarkan sesuatu situasi. Ini dapat menggalakkan pelajar-pelajar supaya membentuk kumpulan mereka selepas meneliti teks perbualan. Mereka boleh melibatkan diri dalam perbincangan yang berkenaan dengan watak tertentu, pengagihan watak atau tugas, penilaian pelajar-pelajar terhadap sebutan dan penggunaan kata yang salah dan menentukan jadual kerja untuk tujuan latihan.

**(b) Sesi menjawab soalan berdasarkan tema pengajaran tertentu**

Berdasarkan bahan pengajaran bertema yang telah disediakan oleh guru, pelajar-pelajar telah dibimbing untuk mengenali dan memahami sesuatu tema pengajaran yang hendak disampaikan seperti tempat-tempat pelancongan di Malaysia, perayaan pelbagai kaum di Malaysia, mengenali Malaysia, bangunan bersejarah di Malaysia dan sebagainya. Sesi soal jawab boleh dijalankan untuk menggalakkan pelajar-pelajar supaya memberi pandangan mereka dengan kreatif dan kritis.

**(c) Menyanyikan lagu-lagu patriotik**

Nyanyian merupakan salah satu kaedah yang dapat menenangkan dan menyenangkan emosi seseorang. Untuk mencapai objektif pengajaran, pendedahan lagu-lagu patriotik adalah perlu supaya pelajar-pelajar dapat mengenali lirik lagu yang hendak disampaikan. Pelajar-pelajar perlu menyanyi lagu tersebut dan memberi pandangan mereka selepas menghayati lagu-lagu tersebut. Bimbingan guru amat diperlukan semasa aktiviti menyanyi diadakan supaya pelajar-pelajar dapat mengikuti pengajaran dengan sepenuhnya.

**(d) Pembentangan tentang isu-isu semasa**

Pendedahan isu-isu semasa diperlukan supaya pelajar-pelajar dapat memberi pendapat dan pandangan mereka dengan kreatif dan kritis. Pelajar-pelajar juga digalakkan untuk bersyarah selama 1 minit semasa pembentangan isu-isu semasa. Guru perlu menyediakan bahan pengajaran yang berkenaan dengan isu-isu semasa yang hendak dibincangkan. Pelajar-pelajar boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan supaya perbincangan antara ahli kumpulan dapat dilakukan. Pembentangan ahli kumpulan diadakan selepas pelajar-pelajar telah membuat persediaan.

**(e) Pengajaran menerusi tayangan kartun tempatan**

Tayangan kartun tempatan yang dipilih ialah “Upin dan Ipin”. Pengajaran menerusi tayangan kartun tempatan bertujuan untuk menimbulkan minat dan motivasi pelajar dalam kelas aktiviti. Kemudian, guru dikehendaki menanyakan soalan-soalan yang berkenaan dengan tayangan tersebut. Guru perlu mengolah semula jalan cerita tayangan tersebut. Di samping itu, guru perlu mendedahkan kesalahan ayat dan ejaan yang sering digunakan semasa perbualan atau dialog. Selepas itu, pelajar diminta untuk menyediakan teks perbualan supaya pelajar boleh mempersembahkan lakonan mereka berdasarkan kreativiti dan inovasi pelajar.

Semua pelajar Tingkatan Junior Satu (1) hingga Tingkatan Junior Satu (4) telah menjalankan cara (a) hingga cara (d). Atas sebab ketidak sempurnaan perancangan dan kekangan masa, hanya pelajar Tingkatan Junior Satu (1) yang telah menjalankan cara (e) pada awal tahun 2010.

**Tempoh Pelaksanaan :**

Kelas aktiviti dijalankan 2 waktu dalam seminggu. Kelas aktiviti diadakan 2 minggu sekali mulai 29 Mac 2010. Pada semester pertama, kelas aktiviti telah dijalankan sebanyak 4 kali sebagai langkah permulaan kelas tersebut.

Pada semester kedua pula, kelas aktiviti diadakan 1 minggu sekali mulai 21 Jun 2010 dan telah dijalankan lebih kurang 12 kali.

### **Tempat Pelaksanaan :**

Kelas aktiviti telah diadakan di Bilik Muzik, Bilik Gerakan, Bilik Audio dan Video (1) serta Bilik Komputer secara bergilir-gilir pada semester pertama.

Pada semester kedua, kelas seumpama ini telah diadakan di Bilik Aktiviti Pusat Bahasa Inggeris mulai 21 Jun 2010. Walaupun demikian, atas pertindihan jadual waktu pengajaran, kelas aktiviti Tingkatan Junior Satu (1) masih dijalankan di Bilik Muzik dan Bilik Gerakan pada bulan September dan bulan Oktober 2010.

### **Sumber Guru :**

Terdapat beberapa orang guru telah ditugaskan untuk mengendalikan kelas aktiviti sepanjang tahun ini. Setiap kelas akan dibahagikan kepada 2 kumpulan dengan setiapnya lebih kurang 25 orang. Setiap kumpulan pula dikendalikan oleh seorang guru. Jadual berikut menunjukkan senarai nama guru yang bertugas untuk mengendalikan kelas aktiviti mereka masing-masing.

<b>Kelas</b>	<b>Nama Guru</b>
Tingkatan Junior Satu (1) 【J1(1)】	Cikgu Ng Kim Sua, Cg Sabariah bt Mohd. Khalil
Tingkatan Junior Satu (2) 【J1(2)】	Cikgu Shirley Ho Ai Ling, Cg Owi Lin Yik Ying
Tingkatan Junior Satu (3) 【J1(3)】	Cikgu Pua Tong Seng, Cikgu Yeor Lee May
Tingkatan Junior Satu (4) 【J1(4)】	Cikgu Pua Tong Seng, Cikgu Owi Lin Yik Ying

### **3.0 Objektif Penyelidikan :**

1. Mengkaji tahap pencapaian pelajar dalam Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia dari aspek kemahiran mendengar dan bertutur.
2. Mengkaji persepsi pelajar terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia dalam meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur.
3. Menilai semula cara pengendalian dan pelaksanaan Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia tahun 2010.

### **4.0 Metodologi Penyelidikan**

#### **1. Kaedah soal selidik :**

Untuk mengkaji keberkesanan pembelajaran Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia daripada persepsi pelajar. Borang soal selidik diedarkan kepada pelajar pada bulan April dan bulan Oktober melalui platform eClass.

(Borang soal selidik sila rujuk Lampiran 1)

## 2. Tahap pencapaian pelajar dalam kelas aktiviti :

Guru yang berkenaan perlu menilai prestasi para pelajar dalam kelas aktiviti berdasarkan skema markah penskoran yang dipiawaikan. Penilaian guru dilakukan sebanyak 6 kali dalam setahun.

(Skema markah penskoran kelas aktiviti sila rujuk Lampiran 2)

## 5.0 Hasil Penyelidikan

### 5.1 Maklumat Am

#### (i) Latar Belakang Pelajar Tingkatan Junior Satu (1) hingga (4):


Jantina	Bilangan (orang)	Peratus
Lelaki	118	57.2%
Perempuan	88	42.8%
<b>Jumlah</b>	<b>206</b>	<b>100%</b>

Secara keseluruhannya, jumlah pelajar yang menjawab kertas soal selidik bagi Tingkatan Junior Satu (1) hingga Tingkatan Junior Satu (4) ialah 206 orang. Terdapat 118 orang pelajar lelaki iaitu 57.2% dan 88 orang pelajar perempuan iaitu 42.8% yang terlibat dalam kajian penyelidikan ini.

Tingkatan	Bilangan Lelaki (orang)	Peratus	Bilangan Perempuan (orang)	Peratus	Jumlah (orang)	Peratus
J1(1)	24	48.0%	26	52.0%	50	100%
J1(2)	28	53.8%	24	46.2%	52	100%
J1(3)	34	65.4%	18	34.6%	52	100%
J1(4)	32	61.5%	20	38.5%	52	100%
<b>Jumlah</b>	<b>118</b>	<b>57.2%</b>	<b>88</b>	<b>42.8%</b>	<b>206</b>	<b>100%</b>


Jadual yang telah ditunjukkan seperti di atas menunjukkan taburan pelajar lelaki dan pelajar perempuan mengikut kelas masing-masing. Berdasarkan jadual, bilangan pelajar lelaki adalah lebih banyak berbanding dengan pelajar perempuan bagi semua kelas kecuali Tingkatan Junior Satu (1). Jumlah pelajar bagi semua tingkatan adalah sekata iaitu 52 orang kecuali Tingkatan Junior Satu (1) yang mempunyai 50 orang.

**(ii) Purata masa sehari yang telah digunakan untuk mengulangkaji mata pelajaran bahasa Malaysia**

**MASA\_2**


Berdasarkan graf palang di atas, terdapat 43.3% pelajar langsung tidak mengulangkaji mata pelajaran bahasa Malaysia. Keadaan ini amat membimbangkan. Hal ini demikian mungkin disebabkan oleh faktor kendiri seperti kekurangan minat atau inisiatif untuk mempelajari bahasa Malaysia atau faktor persekitaran seperti masa pembelajaran sekolah yang panjang dan penyertaan aktiviti kokurikulum yang banyak sehingga mereka tidak dapat membahagikan masa dengan sesuai.

**(iii) Minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Malaysia**

**BAHASA\_2**

Berdasarkan graf palang tersebut, didapati bahawa golongan pelajar yang berminat terhadap pembelajaran bahasa Malaysia adalah kurang daripada golongan pelajar yang tidak berminat. Terdapat 26.9% pelajar yang tidak berminat atau amat tidak berminat terhadap mata pelajaran ini, manakala hanya 19.8% pelajar yang berminat atau sangat berminat. Walaupun demikian, masih terdapat 53.3% pelajar yang masih bersikap sederhana terhadap pembelajaran bahasa Malaysia. Justeru, pelbagai usaha dan dorongan perlu diberikan untuk meningkatkan minat pelajar terhadap bahasa Malaysia.

#### (iv) Tabiat membaca bahan bacaan luar bahasa Malaysia




Berdasarkan graf palang di atas, terdapat 86.8% pelajar tidak mempunyai tabiat membaca bahan bacaan luar bahasa Malaysia. Ini mungkin disebabkan oleh kebanyakan pelajar Sekolah Menengah Persendirian Confucian menghadapi rintangan bahasa kedua yang ketara.


Di samping itu, Program NILAM yang telah dilaksanakan sepanjang tahun ini untuk memupuk minat membaca adalah kurang memuaskan dan menilai semula keberkesanannya. Berdasarkan kelas aktiviti yang telah dijalankan, kebanyakan pelajar masih tidak mampu menyampaikan idea mereka dan menggunakan kosa kata yang baru dan betul.

## 5.2 Persepsi pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran kelas aktiviti


- (i) Adakah Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia yang telah dijalankan dapat merangsangkan minat anda untuk mempelajari bahasa Malaysia?

**J1(1)**


MINAT

**J1(2)**

MINAT

**J1(3)**

MINAT

**J1(4)**


MINAT

Berdasarkan keempat-empat graf palang di atas, pandangan pelajar bahawa kelas aktiviti tidak dapat merangsangkan minat pembelajaran (sangat tidak bersetuju atau tidak bersetuju) adalah berbeza mengikut kelas iaitu : J1(2) – 17.3%; J1(3) – 21.6%; J1(4) – 25.4%; J1(1) – 38.3%. Selain pelajar kelas J1(1), ketiga-tiga pelajar kelas yang lain tidak begitu jelas menyatakan pandangan negatif terhadap kelas aktiviti.


Peratusan “bersetuju” atau “sangat bersetuju” mengikut kelas iaitu : J1(3) – 47.0%; J1(2) – 36.5%; J1(1) – 34.0%; J1(4) – 33.4%. Walaupun demikian, peratusan ketidakpastian dalam kalangan pelajar agak tinggi iaitu antara 27.7% hingga 46.2%. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh pelajar tidak dapat mengenalpasti sama ada kelas aktiviti dapat merangsangkan minat mereka. Dengan itu, untuk mengurangkan ketidakpastian dalam kalangan pelajar, kami perlu menilai semula sukanan pelajaran kelas aktiviti yang telah dirancang dan dilaksanakan.

Daripada perhatian guru, respon pelajar bagi Tingkatan Junior Satu (2), (3) dan (4) adalah lebih positif berbanding dengan respon pelajar Tingkatan Junior (1). Ini mungkin disebabkan oleh pelajar-pelajar Tingkatan Junior Satu (1) tidak banyak memberi respon yang aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar kelas lain. Bagi pelajar-pelajar kelas lain pula, mereka lebih suka kelas sedemikian mungkin disebabkan oleh kelakuan dan sikap mereka yang agak aktif dan positif sepanjang pelaksanaan kelas aktiviti tersebut.


**(ii) Selepas menghadiri Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia, tahap penguasaan saya dalam kemahiran mendengar telah meningkat.**

**J1(1)**


DENGAR

**J1(2)**

DENGAR

**J1(3)**

DENGAR


**J1(4)**

DENGAR

Berdasarkan keempat-empat graf palang di atas, pandangan bahawa kelas aktiviti dapat meningkatkan tahap penguasaan mendengar (bersetuju atau sangat bersetuju) agak ketara iaitu lebih kurang 50% : J1(2) – 57.7%; J1(1) – 49.0%; J1(3) – 49.0%; J1(4) – 47.1%. Sebaliknya, pandangan bahawa kelas aktiviti tidak dapat meningkatkan tahap penguasaan mendengar (tidak bersetuju atau sangat tidak bersetuju) adalah kurang iaitu : J1(3) – 9.8%; J1(1) – 11.6%; J1(4) – 13.7%; J1(2) – 15.4%. Walaupun demikian, masih terdapat sebilangan besar pelajar yang tidak dapat menentukan pilihan mereka iaitu antara 26.9% hingga 41.2%.

Ini menunjukkan bahawa kemahiran mendengar dalam kalangan pelajar dapat ditingkatkan sekiranya guru yang berkenaan menerangkan sesuatu dalam bahasa Malaysia. Pelajar perlu mempunyai keinginan untuk mendengar dan memahami arahan yang telah diberikan. Justeru, ini dapat meningkatkan daya pemahaman mereka menerusi kemahiran mendengar ini.

**(iii) Selepas menghadiri Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia, kemampuan saya untuk menyampaikan sesuatu dalam bahasa Malaysia telah meningkat.**



Berdasarkan keempat-empat graf palang di atas, pandangan bahawa kelas aktiviti dapat meningkatkan kemampuan pelajar untuk menyampaikan sesuatu dalam bahasa Malaysia (bersetuju atau sangat bersetuju) ialah J1(2) – 53.9%; J1(3) – 47.1%; J1(4) – 39.2%; J1(1) – 38.3%. Sebaliknya, pandangan bahawa kelas aktiviti tidak dapat meningkatkan kemampuan pelajar untuk menyampaikan sesuatu dalam bahasa Malaysia (tidak bersetuju atau sangat tidak bersetuju) ialah J1(3) – 9.8%; J1(1) – 11.6%; J1(4) – 13.7%; J1(2) – 15.4%. Walaupun demikian, masih terdapat sebilangan besar pelajar yang tidak dapat menentukan pilihan mereka iaitu antara 28.8% hingga 46.8%.

Setelah mengalami proses pengajaran dan pembelajaran kelas aktiviti lebih kurang setahun, pelajar-pelajar Tingkatan Junior Satu (2) dan (3) lebih berkeyakinan untuk menyampaikan sesuatu dengan menggunakan bahasa Malaysia berbanding dengan pelajar-pelajar Tingkatan Junior Satu (1) dan (4). Data yang dikumpul lebih kurang setara dengan pemerhatian guru. Didapati bahawa pelajar-pelajar Tingkatan Junior Satu (2) dan (3) telah membuat persediaan yang rapi sebelum diminta untuk menyampaikan sesuatu pendapat semasa kelas aktiviti dijalankan.


Bagi pelajar-pelajar Tingkatan Junior Satu (1), mereka tidak membuat persediaan yang mencukupi sehingga tidak dapat menyampaikan sesuatu dengan lebih berkeyakinan. Lagipun, terdapat sebahagian kecil daripada pelajar kelas tersebut yang sebenarnya dapat menyampaikan pendapat dengan lebih baik tetapi sikap malas mereka yang menyebabkan mereka berasa kurang yakin semasa pembentangan di dalam kelas.

Bagi pelajar-pelajar Tingkatan Junior Satu (4) pula, kebanyakan mereka tidak mempunyai asas yang kukuh sebelum seseorang pelajar diminta untuk menyampaikan sesuatu pendapat. Justeru, tahap dan prestasi penyampaian mereka masih lemah dan perlu diperbaik lagi.

Secara keseluruhannya, masih terdapat sebilangan pelajar masih kurang berkeyakinan semasa menyampaikan sesuatu apabila berdepan dengan guru kelas mereka atau rakan-rakan mereka. Apabila mereka ingin menyampaikan sesuatu semasa pembentangan yang telah diadakan di dalam kelas, mereka sanggup memilih untuk tidak menjawab atau membela apa-apa pun. Justeru, sikap yang pasif dalam proses pembelajaran pelajar perlu dikikis agar para pelajar dapat menyampaikan sesuatu dengan lebih tenang hati.


- (iv) Selepas menghadiri Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia, kemampuan saya untuk berkomunikasi dengan orang lain dengan menggunakan bahasa Malaysia telah meningkat.

J1(1)




KOMUNI

J1(2)




KOMUNI

J1(3)



KOMUNI

J1(4)



KOMUNI

Berdasarkan keempat-empat graf palang di atas, pandangan bahawa kelas aktiviti dapat meningkatkan kemampuan pelajar untuk berkomunikasi dengan orang lain dengan menggunakan bahasa Malaysia (bersetuju atau sangat bersetuju) ialah J1(2) – 48.0%; J1(3) – 41.1%; J1(1) – 38.3%; J1(4) – 35.4%. Sebaliknya, pandangan bahawa kelas aktiviti tidak dapat meningkatkan kemampuan pelajar untuk berkomunikasi dengan orang lain dengan menggunakan bahasa Malaysia (tidak bersetuju atau sangat tidak bersetuju) ialah J1(2) – 13.5%; J1(1) – 17.3%; J1(3) – 17.7%; J1(4) – 21.5%. Walaupun demikian, masih terdapat sebilangan besar pelajar yang tidak dapat menentukan pilihan mereka iaitu antara 38.5% hingga 43.1%.

Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Tingkatan Junior Satu (2) dan (3) lebih berkeyakinan untuk berkomunikasi dengan orang lain khususnya guru kelas atau rakan-rakan mereka dengan menggunakan bahasa Malaysia berbanding dengan pelajar-pelajar Tingkatan Junior Satu (1) dan (4). Hal ini demikian mungkin disebabkan oleh guru-guru yang mengendalikan kedua-dua kelas tersebut dapat merangsangkan para pelajar untuk berkomunikasi dengan orang lain.

Bagi pelajar-pelajar Tingkatan Junior Satu (1), mereka tidak mempunyai inisiatif dan kesungguhan untuk mempelajari bahasa Malaysia sebagai mata pelajaran utama mereka. Daripada pemerhatian guru, mereka bukannya tidak mampu untuk berkomunikasi dengan orang lain tetapi masalah sikap mereka yang menyebabkan kebolehan mereka nampaknya kurang terserlah. Selain itu, masih terdapat beberapa orang pelajar yang langsung tidak mempunyai asas yang kukuh untuk bertutur dan berkomunikasi dengan orang lain.





Bagi pelajar-pelajar Tingkatan Junior Satu (4) pula, kebanyakan mereka tidak mempunyai asas yang kukuh untuk bertutur dan berkomunikasi dengan orang lain dengan menggunakan bahasa Malaysia. Walaupun pendedahan telah diberikan oleh guru tentang cara-cara untuk berkomunikasi dengan orang lain, tetapi mereka masih tidak dapat berbuat demikian mungkin disebabkan oleh kurang berkeyakinan terhadap diri sendiri.

Secara keseluruhannya, pelajar-pelajar yang bersetuju dengan pernyataan ini adalah lebih banyak berbanding dengan pelajar-pelajar yang tidak bersetuju. Hal ini demikian mungkin disebabkan oleh pelaksanaan kelas aktiviti ini dapat merangsangkan pelajar yang lemah dalam pertuturan mempunyai keyakinan untuk berkomunikasi dengan orang lain. Kelas sedemikian juga dapat memberi ruang kepada mereka untuk bertutur dan berkomunikasi dengan orang lain.

### **5.3 Tahap pencapaian pelajar dalam kelas aktiviti**

Konstruk penskoran pentaksiran lisan dinilai berdasarkan tatabahasa dan kosa kata, sebutan, intonasi dan nada, fasih dan bermakna serta bertatasusila. Pemarkahan dan penskoran aktiviti lisan telah dijalankan secara holistik.

Terdapat empat tahap pencapaian berdasarkan konstruk yang telah ditetapkan dalam penskoran tersebut iaitu sangat baik, baik, kurang memuaskan dan penguasaan tahap minimum.

**J1(1)****J1(2)****J1(3)****J1(4)**

Berdasarkan graf palang yang telah ditunjukkan, didapati bahawa 82.0% pelajar Tingkatan Junior Satu (1) memperoleh pencapaian yang kurang memuaskan. Hanya 18.0% pelajar yang memperoleh pencapaian yang baik.

Secara keseluruhannya, pencapaian pelajar Tingkatan Junior Satu (1) tidak dapat memenuhi permintaan guru subjek. Hal ini demikian mungkin disebabkan oleh kebanyakan pelajar kurang berminat dalam Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia. Ini seterusnya mempengaruhi penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran lalu mendatangkan kesan negatif terhadap hasil pencapaian. Dicadangkan bahawa satu kajian kes khas boleh dijalankan untuk meninjau dan meneliti sebab-sebab pelajar kurang berminat dalam kelas aktiviti ini sehingga boleh menjelaskan pencapaian mereka dalam aktiviti pentaksiran lisan yang telah dijalankan.

Walaupun demikian, pencapaian bagi pelajar-pelajar kelas yang lain adalah lebih memenuhi kehendak dan permintaan guru subjek kelas masing-masing. Terdapat sebanyak 82.6% pelajar Tingkatan Junior Satu (3) yang memperoleh pencapaian yang baik, diikuti dengan 78.9% pelajar Tingkatan Junior Satu (2) dan 51.9% pelajar Tingkatan Junior Satu (4).

Bagi Tingkatan Junior Satu (2) dan (3) juga, terdapat sebanyak 1.9% dan 3.8% pelajar masing-masing yang memperoleh pencapaian yang sangat baik. Pencapaian sedemikian tidak dapat dilihat bagi Tingkatan Junior Satu (1) dan (4). Peratusan guru subjek Tingkatan Junior Satu (2) dan (3) yang kurang berpuas hati terhadap prestasi pelajar kedua-dua kelas tersebut agak rendah iaitu 19.2% dan 13.6% masing-masing. Daripada tahap pencapaian yang dipaparkan, didapati kelas aktiviti seumpama ini agak berjaya menggalakkan dan merangsangkan mereka untuk bertutur dan berkomunikasi dengan orang lain khususnya guru subjek bahasa Malaysia dan rakan-rakan mereka dengan menggunakan bahasa Malaysia.

Bagi Tingkatan Junior Satu (4) pula, pencapaian pelajar yang kurang memuaskan agak tinggi iaitu sebanyak 48.1%, sementara pelajar yang mencapai tahap ‘baik’ adalah lebih banyak iaitu 51.9%. Pencapaian pelajar Tingkatan Junior Satu (4) tidak begitu cemerlang jika dibandingkan dengan Tingkatan Junior Satu (2) dan (3). Keadaan ini mungkin berkaitan dengan tahap penguasaan bahasa Malaysia para pelajar yang tidak sebaik dengan pelajar Tingkatan Junior Satu (2) dan (3).

Jurang tahap pencapaian yang agak ketara antara kelas mungkin disebabkan pemberian skor mengikut persepsi guru subjek. Pemarkahan yang subjektif mungkin tidak dapat menggambarkan tahap pembelajaran pelajar yang sebenarnya. Pecahan markah yang lebih kecil dan lebih objektif berdasarkan konstruk yang telah ditetapkan adalah perlu supaya markah yang diberikan adalah lebih konsisten dan lebih jitu.

## 6.0 Kesimpulan dan Cadangan

Saya sebagai pemerhati sepanjang tahun ini mendapati bahawa keinginan dan kerelaan hati pelajar-pelajar Tingkatan Junior Satu (2), (3) dan (4) untuk melibatkan diri dalam kelas aktiviti adalah lebih baik berbanding dengan pelajar-pelajar Tingkatan Junior Satu (1). Ini dapat dilihat apabila pelajar yang terlibat diminta untuk menyampaikan sesuatu atau diminta untuk bertutur dan berkomunikasi dengan rakan mereka berdasarkan tajuk dan tema yang telah ditetapkan, pelajar-pelajar Tingkatan Junior Satu (2), (3) dan (4) masih boleh menyiapkan tugas mereka dengan sedaya upaya yang mungkin. Sikap belajar ini tidak dapat dilihat bagi pelajar-pelajar Tingkatan Junior Satu (1). Mereka tidak menitikberatkan bahan rangsangan yang telah diedarkan dan bersikap malas. Mereka hanya membuat persediaan sebelum kelas aktiviti bermula. Justeru, kualiti dan mutu persembahan mereka terjejas.

## 6.1 Sukatan Pelajaran

Sukatan pelajaran yang telah ditetapkan masih tidak jelas dan tidak bersetujuan dengan situasi mereka, contohnya mendeklamasikan sajak. Bagi pelajar-pelajar Tingkatan Junior Satu, pengukuhan asas adalah penting untuk memastikan pelajar dapat menguasai sebutan yang betul dan baku, penggunaan tatabahasa dan kosa kata yang tepat, penyampaian sesuatu maklumat dengan lancar dan fasih dan pelajar dapat menunjukkan sikap yang beradab dan bersopan semasa pengucapan di hadapan khalayak ramai. Justeru, sesi menjawab soalan berdasarkan tema pengajaran tertentu perlu diterapkan lagi untuk memantapkan penguasaan kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar.

Jika kelas aktiviti ini masih diteruskan pada tahun 2011, pelajar-pelajar Tingkatan Junior Dua tahun depan perlu menguasai cara pembentangan tentang isu-isu semasa yang lebih mudah dan lebih umum agar pelajar dapat membentangkan sesuatu dengan lebih berkeyakinan.

Aktiviti menyanyikan lagu-lagu patriotik merupakan satu percubaan baru menjelang Bulan Kemerdekaan sepanjang bulan Ogos dan bulan September yang lepas. Pelajar-pelajar telah diberikan peluang untuk menghayati dan mengenali lirik-lirik lagu patriotik yang berkaitan. Respon pelajar secara amnya adalah memuaskan.

Pada peringkat ini, persembahan lakonan pelajar berdasarkan teks lisan yang telah ditetapkan masih tidak dapat dijalankan bagi semua kelas kerana memerlukan lebih banyak bimbingan dan dorongan guru terhadap pelajar yang terbabit. Persembahan lakonan pelajar berdasarkan kartun tempatan “Upin dan Ipin” hanya dapat dilaksanakan untuk pelajar-pelajar Tingkatan Junior Satu (1) agar dapat meningkatkan minat mereka untuk melibatkan diri dalam kelas aktiviti ini.

## 6.1 Guru Subjek

Menerusi pemerhatian saya sepanjang tahun ini, guru subjek masih tidak dapat menguasai objektif utama pengendalian kelas aktiviti tersebut. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kekurangan pengalaman pengajaran terhadap kelas aktiviti yang baru diperkenalkan tahun ini. Bimbingan dan dorongan daripada guru yang lebih berpengalaman kepada guru yang kurang berpengalaman dalam proses pengajaran mereka harus diberikan untuk mengasah kemampuan guru subjek semasa mengendalikan kelas aktiviti mereka.

Guru subjek yang terlibat perlu mempunyai daya kreatif dan daya inovatif yang kuat supaya dapat menarik minat dan perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Ini disebabkan oleh proses ini sepatutnya dijalankan secara dua hala iaitu guru sebagai pencetus idea manakala pelajar pula sebagai pembentang bagi sesuatu idea tertentu. Jika konsep ini dapat diterapkan dalam sukan pelajaran yang bakal digubal dan disunting semula, maka keberkesanan pembelajaran menerusi Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia dapat ditingkatkan lagi pada tahun yang akan datang.

## 6.2 Pelajar

Menerusi kajian penyelidikan yang telah dijalankan sepanjang tahun ini, kami mendapati bahawa keberkesanan pelaksanaan Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia memang berbeza terhadap kelompok pelajar yang berlainan. Minat pelajar Tingkatan Junior Satu (1) terhadap kelas aktiviti seumpama ini adalah sukar dipupuk. Ini mungkin disebabkan oleh permintaan dan kehendak terhadap apa yang hendak dipelajari oleh mereka lebih berorientasikan peperiksaan. Sungguhpun beberapa perubahan dan pengubahsuaian dalam pengendalian kelas aktiviti telah dibuat, kesannya masih tidak begitu ketara.

Persoalannya, sukanan pelajaran bagi Tingkatan Junior Satu (1) perlu diubahsuaikan. Guru subjek bagi kelas berkenaan perlu mencadangkan satu kaedah dan cara penyampaian yang lebih memenuhi kehendak dan situasi pelajar tersebut. Ini bertujuan untuk mengikis sikap pembelajaran mereka yang lebih bersifat materialistik di mana mereka lebih mengutamakan pencapaian dalam bidang akademik khususnya pencapaian dalam peperiksaan semata-mata. Justeru, satu kajian khas terhadap minat pembelajaran mereka menerusi Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia ini perlu diadakan untuk memantau persoalan-persoalan yang telah timbul dan perlu mengenal pasti persoalan tersebut.

Pencapaian kebanyakan pelajar Tingkatan Junior Satu (2), (3) dan (4) masih memberangsangkan walaupun kelas aktiviti telah diperkenalkan pada tahun ini buat julung kali. Berdasarkan hasil kajian penyelidikan dan penganalisisan data yang telah diperoleh, mereka masih boleh menerima kelas aktiviti ini dalam proses pembelajaran mereka.

Di samping itu, minat pelajar untuk melibatkan diri dalam kelas aktiviti ini telah mempengaruhi tahap pencapaian mereka dalam penguasaan kemahiran untuk menyampaikan sesuatu dan kemahiran untuk berkomunikasi dengan orang lain. Ini dapat dilihat menerusi prestasi pelajar Tingkatan Junior Satu (1) kerana kebanyakan mereka yang kurang berminat dalam penglibatan kelas aktiviti ini tidak dapat menonjolkan pencapaian yang baik semasa aktiviti lisan dijalankan. Sebaliknya, respon yang lebih positif dapat dilihat bagi prestasi pelajar-pelajar kelas lain di mana tahap pencapaian mereka adalah lebih memuaskan jika minat pelajar diambil kira sebagai salah satu faktor utamanya.

Antara ketiga-tiga kemahiran yang ingin dipupuk, paling banyak pelajar dapat menguasai kemahiran mendengar secara keseluruhannya, manakala kemahiran untuk menyampaikan pendapat dan kemahiran berkomunikasi agak berbeza antara kelas.

## 6.3 Piawaian Penilaian

Dalam aspek penskoran pentaksiran aktiviti lisan, semua guru subjek yang terlibat perlu meneliti skema penskoran yang sedia ada dan mencapai kata sepakat semasa pemberian skor agar selisih markah yang besar dapat dielakkan. Pecahan markah yang lebih kecil harus ditentukan berdasarkan konstruk yang telah ditetapkan agar markah yang diberikan tidak terlalu umum atau terlalu subjektif. Perbincangan antara guru subjek tentang kriteria penskoran perlu diadakan agar markah yang diperoleh adalah lebih jitu dan lebih konsisten.

Konklusinya, Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia yang telah dijalankan sepanjang tahun 2010 ini merupakan satu permulaan yang baik dan pemangkin yang menggerakkan para pelajar dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur mereka. Saya mencadangkan bahawa cara pengendalian dan penyampaian kelas aktiviti ini juga harus dipelbagaikan mengikut kesesuaian dan kemampuan pelajar kelas masing-masing agar dapat memupuk minat dan motivasi pelajar dalam pembelajaran mata pelajaran bahasa Malaysia di samping dapat mengukuhkan kemahiran pertuturan mereka.

## Rujukan

1. Ellis, R. (1994). *The study of second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
2. Coakes, S. J. (2005). *SPSS Version 12.0 for Windows analysis without anguish*. Australia : National Library of Australia.

Laporan disediakan oleh Cikgu Ng Kim Sua,  
Guru Penyelaras Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia Tingkatan Junior Satu,  
Panitia Bahasa Malaysia.  
6 November 2010 (Sabtu).

## Lampiran

### Lampiran 1

#### Kertas Soal Selidik

#### Keberkesanan Pembelajaran Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia Dalam Meningkatkan Kemahiran Mendengar dan Bertutur Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Junior Satu

Kepada semua pelajar,

Kertas soal selidik ini bertujuan untuk memahami kesan pembelajaran anda dalam kelas aktiviti. Sila jawab soalan-soalan berikut dengan teliti dengan memilih **SATU** jawapan yang bersesuaian dengan keadaan anda. Kertas soal selidik ini tidak memerlukan tandatangan anda dan sila jawab secara jujur.

Kerjasama anda amat kami hargai!

#### (A) Maklumat Am

1. Jantina :
  - (a) lelaki
  - (b) perempuan
2. Purata masa sehari yang telah anda gunakan untuk mengulangkaji mata pelajaran bahasa Malaysia.
  - (a) 0 minit
  - (b) kurang daripada 30 minit
  - (c) kurang daripada 1 jam
  - (d) kurang daripada 2 jam
  - (e) kurang daripada 3 jam
  - (f) lain-lain
3. Minat anda terhadap pembelajaran bahasa Malaysia.
  - (a) amat tidak berminat
  - (b) tidak berminat
  - (c) sederhana
  - (d) berminat
  - (e) sangat berminat
4. Anda mempunyai tabiat untuk membaca bahan bacaan luar bahasa Malaysia.
  - (a) ya
  - (b) tidak

**(B) Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Pembelajaran Kelas Aktiviti**

1. Adakah Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia yang telah dijalankan dapat merangsangkan minat anda untuk mempelajari bahasa Malaysia?
  - (a) sangat tidak bersetuju
  - (b) tidak bersetuju
  - (c) tidak pasti
  - (d) bersetuju
  - (e) sangat bersetuju
2. Selepas menghadiri Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia, tahap penguasaan saya dalam kemahiran mendengar telah meningkat.
  - (a) sangat tidak bersetuju
  - (b) tidak bersetuju
  - (c) tidak pasti
  - (d) bersetuju
  - (e) sangat bersetuju
3. Selepas menghadiri Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia, kemampuan saya untuk menyampaikan sesuatu dalam bahasa Malaysia telah meningkat.
  - (a) sangat tidak bersetuju
  - (b) tidak bersetuju
  - (c) tidak pasti
  - (d) bersetuju
  - (e) sangat bersetuju
4. Selepas menghadiri Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia, kemampuan saya untuk berkomunikasi dengan orang lain dengan menggunakan bahasa Malaysia telah meningkat.
  - (a) sangat tidak bersetuju
  - (b) tidak bersetuju
  - (c) tidak pasti
  - (d) bersetuju
  - (e) sangat bersetuju

## Lampiran 2

### (A) Konstruk Penskoran Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia 2010

- (a) Tatabahasa dan Kosa Kata
- (b) Sebutan, Intonasi dan Nada
- (c) Fasih dan Bermakna
- (d) Bertatasusila

### (B) Kriteria Penskoran Kelas Aktiviti Bahasa Malaysia 2010

Kod Pencapaian	Tahap Pencapaian	Gred Sempadan
4	Sangat Baik	Atas
		Tengah
		Bawah
3	Baik	Atas
		Tengah
		Bawah
2	Kurang Memuaskan	Atas
		Tengah
		Bawah
1	Penguasaan Tahap Minimum	Atas
		Tengah
		Bawah